

22 JUL 2003

Chirac-Anugerah/I

CHIRAC TERIMA ANUGERAH KEAMANAN DUNIA KUALA LUMPUR

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac hari ini menjadi penerima sulung anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, hari ini.

Chirac yang berada dalam rangka lawatan singkat selama enam jam ke Malaysia, menerima anugerah itu yang diperkenalkan oleh Yayasan Keamanan Dunia Malaysia dalam satu majlis ringkas selepas Dr Mahathir dan Chirac menamatkan perbincangan selama sejam di Bangunan Perdana Putra di sini.

Anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur yang disampaikan hari ini adalah sebagai mengiktiraf dedikasi cemerlang Chirac terhadap penyelesaian secara aman konflik antarabangsa, keberaniannya dalam mempertahankan prinsip dan komitmen kerjasama dalam tindakan dunia.

Semasa membaca kata-kata pujian sebelum penyampaian anugerah itu, Duta Khas ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail berkata dalam dunia yang dilanda konflik dan konfrontasi, Chirac membayangkan yang terbaik "daripada negaranya dengan berpegang kepada prinsip multilateralisme dan rundingan dalam menyelesaikan pertikaian yang melanda umat manusia."

"Semasa dunia dikejutkan dan bersedih akan akibat dahsyat keganasan dan peperangan, beliau menumpukan kepada penekanan yang diperbaharui dalam nilai-nilai kemanusiaan dan kebimbangan dalam politik antarabangsa," kata Razali.

Beliau berkata, Chirac berpegang teguh kepada ideal yang beliau berpegang kepada sepanjang hidup dan kerjayanya, khususnya semasa Perdana Menteri dan Presiden Perancis itu mengemudi laluan yang sukar dan rumit dalam sejarah moden negaranya.

"Sejak kebelakangan ini, dalam dunia yang terikut-ikut dengan perang global menentang keganasan, beliau mencari jalan untuk meningkatkan dan mengekalkan keamanan di dunia kita.

"Beliau berani dalam mempertahankan prinsip yang konflik-konflik perlu diselesaikan melalui rundingan dan kerjasama antarabangsa berdasarkan undang-undang antarabangsa, penghormatan kepada hak asasi manusia dan pembangunan ekonomi," kata beliau lagi.

Razali juga berkata Chirac telah menunjukkan komitmen cemerlang dalam pengagihan saksama pembangunan di kalangan masyarakat negara-negara global.

Beliau berkata, usaha Presiden Perancis dan Perancis tanpa kenal penat lelah untuk mencari penyelesaian aman kepada konflik antarabangsa, untuk membangunkan demokrasi dan hak asasi manusia dan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial menyebabkan beliau disanjung ramai.

"Walaupun peperangan tidak dapat dielakkan antara yang kuat dan lemah, prinsip-prinsip yang mereka dukung dengan begitu jelas dalam menentang peperangan harus menjadi panduan dalam dunia kita yang telah berubah," kata Rozali.

Sementara itu Dr Mahathir dalam buku cenderamata yang diterbitkan sempena Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur pada 9 Ogos ini berkata, keamanan dunia bukan mustahil untuk dicapai tetapi ia memerlukan dedikasi luar biasa dan usaha ikhlas untuk cetuskan usaha mencari keamanan sebenar.

Beliau berkata Malaysia percaya keamanan adalah hak kelahiran setiap orang di bumi tanpa mengira kaum atau agama, di mana lelaki, wanita dan kanak-kanak adalah rakan saksama untuk mencapai keamanan.

"Inisiatif Keamanan Kuala Lumpur ini hanya boleh berjaya jika

individu-individu dan pertubuhan dengan pemikiran sama menyediakan sokongan bagi ideal yang perlu untuk mencapai keamanan dunia. Bersama, kita akan mencari pendirian bersama," kata Dr Mahathir.

Anugerah Keamanan Kuala Lumpur datang dalam bentuk piala piuter Malaysia yang terukir dan satu skrol testimonial. Anugerah itu, yang tidak membawa sebarang ganjaran kewangan akan disampaikan hanya sekali setiap tahun kepada seseorang individu yang paling layak menerima pengiktirafan bagi sumbangannya untuk keamanan.

Ia merupakan anugerah yang pertama seumpama itu untuk diilhamkan dan diperkenalkan oleh sebuah negara majoriti Islam, dan mewakili satu sumbangan penting oleh warga Malaysia untuk mencetusakan usaha mempromosi satu budaya keamanan global.

Pemilihan penerima anugerah itu dilakukan oleh Jawatankuasa Anugerah yang terdiri daripada tokoh-tokoh Malaysia yang termasuk Razali, bekas Menteri Luar Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen, Tan Sri Lim Kok Wing, Datuk Dr Michael Yeoh dan pengerusi Bernama, Datuk Kalimullah Hassan.